



## SIARAN AKHBAR

### PMKS CATAT PERTUMBUHAN DUA DIGIT, SUMBANGAN TERHADAP EKONOMI MENINGKAT KEPADA RM580.4 BILION

---

**BANGI, 1 Ogos 2023** – Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang sangat memberangsangkan pada tahun 2022 dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.6%, iaitu peningkatan yang amat ketara berbanding 1.3% pada tahun 2021. Sumbangan PMKS kepada KDNK negara turut meningkat kepada 38.4% berbanding 37.4% pada tahun 2021.

Berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pertumbuhan PMKS juga kembali mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan pada kadar 8.7% (2021: 3.3%). Ini menjadikan sumbangan PMKS kepada ekonomi negara meningkat daripada RM520.0 bilion pada tahun 2021 kepada RM580.4 bilion pada tahun 2022. Prestasi tersebut diumumkan semasa Sidang Media Prestasi PMKS 2022 oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi di Bangi Resort Hotel hari ini.

Eksport PMKS pula terus melonjak dengan peningkatan sebanyak RM20.2 bilion kepada RM144.5 bilion berbanding RM124.3 bilion pada tahun 2021. Namun, peratus sumbangan PMKS kepada jumlah eksport menurun kepada 10.5% pada tahun 2022 berbanding 11.4% pada tahun 2021 memandangkan eksport oleh syarikat besar dan multinasional berkembang pada kadar yang lebih tinggi.

Dari segi pasaran pekerja, PMKS menggaji seramai 7.59 juta pekerja pada tahun 2022 iaitu kenaikan sebanyak 3.8% dengan sumbangan PMKS kepada jumlah guna tenaga meningkat kepada 48.2% pada tahun 2022 (2021: 47.8%). Sementara itu, produktiviti pekerja PMKS juga telah bertambah baik dengan mencapai nilai RM76,433 bagi setiap pekerja berbanding RM71,089 bagi setiap pekerja pada tahun sebelumnya.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, “Dalam usaha merangsang pertumbuhan PMKS agar lebih berdaya tahan dan mampan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya SME Corp. Malaysia akan terus komited untuk memperkukuh pelaksanaan program-program pembangunan PMKS secara bersasar. Setakat ini, terdapat 225 program pembangunan PMKS yang sedang giat dilaksanakan oleh 12 Kementerian, 56 Agensi dan 7 Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM10.6 bilion.”

Menurut beliau lagi, “KUSKOP akan terus komited dalam memperkasakan PMKS supaya kekal berdaya saing bagi membolehkan mereka menembusi pasaran yang lebih luas di peringkat antarabangsa. Matlamat ini adalah selaras dengan aspirasi Kerangka Ekonomi Malaysia MADANI yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini. Sehubungan itu, PMKS perlu mula berfikir secara global bagi memastikan penawaran produk dan perkhidmatan mencapai kualiti, piawaian, kapasiti pengeluaran dan tempoh penghantaran yang memenuhi kehendak pasaran dan kalis masa hadapan.”

“Dasar dan inisiatif Kerajaan yang berstruktur dan menyokong pembangunan PMKS, di samping penyediaan pelbagai pakej rangsangan telah membantu PMKS kembali pulih daripada kesan pandemik COVID-19. Momentum pemulihan dan pembangunan PMKS dijangka akan terus kukuh pada tahun 2023 seiring dengan penekanan yang diberikan oleh Kerajaan kepada PMKS di bawah Kerangka Ekonomi Malaysia MADANI. Antara strategi dan inisiatif yang melibatkan PMKS ialah pengantarabangsaan PMKS tempatan, menarik lebih ramai pelabur untuk membiayai PMKS, menambah geran padanan digitalisasi sebanyak RM100 juta bagi membantu PMKS beralih kepada digitalisasi dan menambah peruntukan RM400 juta untuk pinjaman mikro di bawah agensi-agensi termasuk SME Corp. Malaysia dan TEKUN Nasional yang merupakan agensi di bawah KUSKOP.”

Kerjasama dengan pelbagai Kementerian, agensi dan industri akan diteruskan bagi membolehkan KUSKOP melaksanakan tanggungjawab membangunkan ekosistem keusahawanan yang komprehensif dengan lebih berkesan dalam menyokong pembangunan PMKS agar lebih progresif dan mampan. KUSKOP melalui SME Corp. Malaysia akan memberi penekanan kepada program-program yang melibatkan

pengantarabangsaan PKS dalam usaha untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK dan nilai eksport negara.

Turut hadir semasa Majlis Sidang Media Prestasi PMKS 2022 ini adalah YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan, DOSM dan YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**Emel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**